

10 kluster baharu dikesan

2,717 kes baharu dicatatkan dengan Selangor rekod kes tertinggi

Oleh MUHAMMAD YUSAINY
MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM

Sebanyak 10 kluster baharu dikenalpasti pada Sabtu melibatkan tujuh kluster tempat kerja, satu sekolah atau institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan dua komuniti.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tujuh kluster di tempat kerja melibatkan Kluster Jalan Melor dan Jalan

Abdul Karim di Selangor, Kluster Tingkat Mak Mandin (Pulau Pinang), Kluster D' Lahar (Terengganu), Kluster Desa Mawar (Pahang), Kluster Jalan Datoh serta Kluster Leboh Ipoh-Lumut (Perak).

"Satu kluster sekolah atau institusi pendidikan KPM dikesan iaitu Kluster Jalan St Thomas (Kuala Lumpur) manakala dua kluster komuniti adalah Kluster Jalan Kolam Dua (Perak) serta Kluster Dambai Inanam (Sabah)," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 2,717 kes baharu dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes 390,252.

Menurutnya, Selangor merekod-



DR NOOR HISHAM

kan kes baharu tertinggi dengan 768 diikuti Sarawak (570), Kelantan (518), Kuala Lumpur (240), Pulau Pinang (134) dan Sabah (132).

"Sebanyak 126 kes direkodkan di Johor, Perak (54), Terengganu (50), Kedah (34), Melaka (30), Negeri Sembilan (27), Pahang (22), Putrajaya (11), Perlis (satu) selain tiada kes baharu di

Labuan," kata beliau lagi.

Beliau berkata, sebanyak 11 kematian direkodkan melibatkan 10 warganegara dan satu bukan warganegara.

"Sejumlah 272 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 124 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Pengembara dari negara lapor virus VOC wajib jalani kuarantin 14 hari

KUALA LUMPUR - Pengembara yang baru tiba dari negara yang melaporkan penularan virus Covid-19 Varian Yang Membimbangkan (VOC) jenis baharu perlu menjalani tempoh kuarantin wajib yang dipanjangkan kepada 14 hari berbanding 10 hari sebelum ini.



Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, arahan itu sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan penularan VOC jenis baharu di Malaysia memandangkan ada dalam kalangan varian itu telah pun dikesan di negara ini misalnya varian B.1.351 atau South African variant.

"Melihat kepada perkembangan pelaporan beberapa jenis VOC baharu di negara luar, adalah dikhuatiri varian ini kemungkinan boleh dibawa masuk oleh pengembara yang mengembara ke Malaysia," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Beliau berkata, berdasarkan laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), terdapat tiga varian yang membimbangkan iaitu B.1.351 yang mula dilaporkan di Afrika Selatan, B.1.1.7 dari United Kingdom dan B.1.1.28 atau P1 dari Brazil dan Jepun.

- Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
390,252	365,900	272	1,426	+2,717	1,279,737

